

06/05/1998

Kadar faedah dikekalkan pada paras semasa

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan terpaksa mengekalkan kadar faedah pada paras semasa kerana kadar bagi meminjam ringgit di luar negara sudah dinaikkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika kadar faedah dinaikkan, kos menjalankan perniagaan akan meningkat dan syarikat akan menderita kerana tidak mampu mendapatkan dana dan dalam proses itu akan menjejaskan kegiatan perniagaan.

"Kami memang berhasrat menurunkan kadar faedah, tetapi tidak berupaya kerana wujud pengaruh luar yang terus meletakkan kadar itu pada tahap yang tinggi," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan akan menurunkan kadar faedah pada sidang akhbar selepas melancarkan Amanah Saham Wanita (Asnita) di sini hari ini.

Menurut Dr Mahathir, oleh kerana kerajaan mempunyai pembahagian sebanyak 28 peratus dalam keuntungan syarikat berasaskan cukai korporat, langkah menaikkan kadar faedah bermakna menghalang syarikat daripada mendapatkan dana mereka.

"Kerajaan tidak berniat membunuh perniagaan. Kita mahu membantu mereka seperti apa yang kerap saya sebut, sebab kerajaan ada saham dalam semua syarikat di Malaysia," katanya.

Kadar antara bank, kadar yang digunakan apabila bank memberi pinjaman antara satu sama lain, kini meningkat kepada lingkungan 11.05 peratus daripada tujuh peratus sebelum serangan mata wang Julai lalu. Ini bermakna mereka terpaksa memberi pinjaman kepada pelanggan pada kadar lebih tinggi.

Kadar berian pinjaman bagi pinjaman perniagaan yang meningkat sehingga setinggi 20-21 peratus pada Disember lalu berikutan mudah tunai ketat, kini menurun di antara 16 dan 17 peratus.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mencadangkan Malaysia menaikkan sedikit kadar faedah kerana ada sedikit ketidakseimbangan dalam campuran dasar dan dalam proses menurunkan kadar faedah, negara terpaksa mempunyai kedudukan fiskal yang kukuh.

Mengenai penarafan ke atas Malaysia yang dibuat oleh Standard & Poor's, Dr Mahathir berkata kedua-duanya, S&P dan Moody's, membuat penilaian yang salah mengenai negara ini.

Sebagai contoh, katanya, agensi penarafan itu tidak meramalkan kejatuhan ekonomi Asean berikutan serangan ke atas mata wang serantau dan ramai orang kehilangan wang mereka kerana mereka tidak diberitahu terlebih dahulu oleh pakar-pakar penarafan itu.

"Mereka tersilap sebelum ini dan saya tidak rasa kita harus akur dengan penarafan mereka kerana penarafan mereka mempunyai tabiat mempengaruhi pasaran.

"Ia bukan satu keadaan bahawa apa yang mereka katakan akan berlaku, tetapi apa yang mereka katakan akan membuatnya berlaku," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata kerajaan menyimpan rizab dalam beberapa jenis mata wang asing bagi membolehkan urusan niaga dijalankan dengan negara jiran menggunakan mata wang mereka bukan dalam dolar Amerika.

Ketika ini 70 peratus urusan niaga asing menggunakan mata wang dolar Amerika dan kerajaan berusaha mengurangkan penggantungan terhadap mata wang itu.

Diminta mengulas laporan terbaru akhbar Britain yang terus memburukkan Malaysia, terutama menjelang Sukan Komanwel 1998, Dr Mahathir

berkata kerajaan merasakan tidak wajar untuk menangkis laporan negatif itu.

"Kita tahu, orang ini ada niat jahat. Mereka hendak mengecewakan Malaysia dengan apa cara sekalipun. Inilah sebahagian daripada bentuk kebebasan akhbar mereka iaitu kebebasan mencampuri urusan negara lain dan kebebasan berbohong.

"Inilah bentuk kebebasan akhbar mengikut tafsiran mereka. Bagi kita, kebebasan bermaksud tanggungjawab. Anda pun tahu mereka mengaut untung di atas kesengsaraan orang lain," katanya.

(END)